



SAJ' DAN FAWĀṢIL: SATU ANALISIS PARADIGMATIK

[SAJ' AND FAWĀṢIL: A PARADIGMATIC ANALYSIS]

Nik Muhamad Aidil Aiman Nik Adli^{1*} & Md. Nor Abdullah¹

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: nick.muhamad20@gmail.com

Received: 19/12/2025

Revised: 21/1/2026

Accepted: 16/2/2026

Published: 31/3/2026

Abstrak

Kajian ini membincangkan perdebatan ilmiah klasik dalam ilmu *balāghah* Islam berkenaan penggunaan istilah *saj'* (prosa berirama) atau *fawāṣil* (penamat ayat) untuk menggambarkan keselarasan bunyi pada penghujung ayat-ayat al-Qur'ān. Penelitian ini berhujah bahawa perbincangan tersebut bukan sekadar isu terminologi, tetapi mencerminkan pertembungan paradigma epistemologi yang lebih halus dalam mendekati teks wahyu. Melalui kaedah analisis kandungan kualitatif terhadap karya-karya primer ilmu *balāghah*, penyelidikan ini mengenal pasti dan membandingkan hujah dua arus pemikiran utama. Golongan pertama, berteraskan paradigma penyucian (*al-tanzīh*), menolak istilah *saj'* atas pertimbangan teologi dan adab, serta mengutamakan istilah *fawāṣil* yang diambil daripada al-Qur'ān sendiri. Golongan kedua, yang berpaksikan paradigma analisis dan penyingkapan (*al-kashf*), menerima *saj'* sebagai kategori deskriptif yang sah berdasarkan pemerhatian tekstual, dengan membezakannya kepada *saj'* yang terpuji (*maḥmūd*) dan tercela (*madhmūm*). Perbincangan menunjukkan bahawa pertembungan ini menghasilkan dua penekanan yang berbeza dalam memahami *i'jāz al-balāghī* al-Qur'ān: sama ada sebagai keunikan transenden yang berbeza jenis (*difference in kind*), atau sebagai kecemerlangan paradigmatis tertinggi dalam jenis yang sama (*perfection within the same genus*). Kesimpulannya, perdebatan ini dapat difahami sebagai suatu usaha kolektif para ulama untuk merumuskan sebuah "retorik suci" atau *sacred rhetoric* yang memungkinkan penjelasan ilmiah terhadap keindahan bahasa al-Qur'ān tanpa menjejaskan kedudukannya yang unik dan tidak tertandingi sebagai *Kalamullah*.

Kata kunci: *saj'*, *fawāṣil*, retorik al-Qur'ān, *balāghah*, retorik suci

Abstract

This study discusses the classical scholarly debate in the Islamic discipline of *balāghah* (rhetoric) concerning the use of the terms *sajʿ* (rhymed prose) or *fawāṣil* (verse endings) to describe the phonetic harmony at the conclusions of Qurʾānic verses. This research argues that the debate is not merely a terminological issue but rather reflects a more subtle clash of epistemological paradigms in approaching the revealed text. Through a qualitative content analysis of primary works in *balāghah*, this study identifies and compares the arguments of two main schools of thought. The first group, grounded in the paradigm of purification (*al-tanzīh*), rejects the term *sajʿ* on theological and ethical (*adab*) grounds, and prioritizes the term *fawāṣil*, which is derived from the Qurʾān itself. The second group, rooted in the paradigm of analysis and disclosure (*al-kashf*), accepts *sajʿ* as a valid descriptive category based on textual observation, distinguishing it into praiseworthy (*maḥmūd*) and blameworthy (*madhmūm*) types. The discussion demonstrates that this clash yields two distinct emphases in understanding the Qurʾān's rhetorical inimitability (*iʿjāz al-balāghī*): either as a transcendent uniqueness that is a difference in kind, or as the highest paradigmatic excellence within the same genus (perfection within the same genus). In conclusion, this debate can be understood as a collective effort by the scholars to formulate a "sacred rhetoric" that allows for a scholarly explanation of the beauty of the Qurʾān's language without compromising its unique and inimitable status as the *Kalāmullāh* (Word of God).

Keywords: *sajʿ*, *fawāṣil*, Qurʾānic rhetoric, *balāghah*, sacred rhetoric

Cite as: Nik Adli, N. M. A. A. & Abdullah, M. N. (2026). *Sajʿ dan fawāṣil: Satu analisis paradigmatis [Sajʿ and fawāṣil: A paradigmatic analysis]*. *Afaq Lughawiyyah*, 4(1), 44-64. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i1.207>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Kajian terhadap kemukjizatan retorik al-Qurʾān (*iʿjāz al-balāghī*) merupakan salah satu teras utama warisan intelektual Islam yang terus mendapat perhatian sarjana dari pelbagai disiplin. Dalam kerangka wacana ini, timbul satu perbincangan terminologi yang kelihatan halus tetapi sarat dengan implikasi konseptual, iaitu berkenaan penamaan fenomena keselarasan bunyi pada penghujung ayat-ayat al-Qurʾān. Perdebatan ini mempertembungkan dua istilah: (1) *sajʿ* (prosa berirama) dan (2) *fawāṣil* (penamat ayat) (Esa & Daud, 2020). Persoalan ini bukan sekadar isu semantik atau penamaan teknikal, tetapi mencerminkan pertembungan dua paradigma epistemologi yang mendasar: paradigma analisis dan penyingkapan (*al-kashf*) yang bersifat deskriptif, dan paradigma penyucian (*al-tanzīh*) yang berakar pada tuntutan teologi untuk mengagungkan al-Qurʾān serta memisahkannya daripada tradisi retorik pra-Islam (Burhanudin & Abdullah, 2022; Tawfik, 2022).

Isu ini terus mendapat perhatian dalam wacana akademik kontemporari. Penelitian terhadap *sajʿ* dan *fawāṣil* telah berkembang dalam pelbagai dimensi, termasuk fungsi estetik dan mnemonik *sajʿ* dalam teks keagamaan (Fitria & Kamaliah, 2025; Habibi, 2025), keunikan *fawāṣil* sebagai pemersatu keharmonian fonetik dengan koherensi semantik dan tematik (Abalkheel et al., 2025), serta integrasi *balāghah* klasik dengan linguistik moden (Ahmad & Ghafar, 2025). Pendekatan *balāghah* moden juga

semakin merapatkan jurang antara analisis tekstual dan kepekaan teologis, serta mendokumentasikan ketegangan dalam tradisi sarjana klasik (Klar, 2020).

Antara sumbangan paling signifikan dalam perbahasan ini ialah kajian oleh Şidqī & Ḥaydarī (2009) yang menyusun hujah ulama klasik secara sistematik ke dalam taksonomi enam golongan: *al-muʿtadilūn* (golongan sederhana), *al-qāʾilūn bi anna al-Qurʾān jins khāṣṣ* (golongan yang berpendapat al-Qurʾān ialah genre khas), *al-mutawāqqifūn* (golongan yang berhenti tanpa memberi pendirian), *al-mutaraddidūn* (golongan yang menunjukkan keraguan), *al-muʿayyidūn* (golongan penyokong), dan *al-rāfiḍūn* (golongan penolak). Taksonomi ini merupakan usaha yang komprehensif dalam memetakan kepelbagaian pendirian ulama dan menjadi rujukan penting bagi memahami landskap perbahasan klasik tentang *sajʿ* dan *fawāṣil*.

Namun, walaupun terdapat kemajuan dalam kajian *balāghah* kontemporari, masih terdapat kelompongan yang signifikan dalam wacana ilmiah. Sebahagian besar kajian menyentuh isu terminologi *sajʿ* dan *fawāṣil* secara sepintas lalu, terpisah daripada analisis mendalam tentang bagaimana pertembungan paradigma, iaitu *al-tanzīh* dan *al-kashf*, membentuk pemahaman terhadap konsep *iʿjāz al-balāghī* itu sendiri. Kajian Şidqī & Ḥaydarī (2009), meskipun berjaya mengkategorikan pandangan ulama, masih bersifat deskriptif-taksonomik dan tidak menghubungkan secara sistematik perbezaan terminologi tersebut dengan implikasinya terhadap dua konsepsi *iʿjāz* yang berbeza: sebagai keunikan transenden yang berbeza jenis (*difference in kind*) atau sebagai kecemerlangan paradigmatis tertinggi dalam jenis yang sama (*perfection within the same genus*). Dengan kata lain, kajian terdahulu banyak menjawab persoalan “siapa berkata apa” tetapi kurang meneliti persoalan “mengapa mereka berkata demikian” dari sudut epistemologi yang mendasar, serta “apa implikasinya terhadap pemahaman kita tentang kemukjizatan retorik al-Qurʾān”. Justeru, wacana ilmiah masih memerlukan suatu analisis paradigmatis yang dapat menerangkan asas pemikiran yang mendorong ulama mengambil pendirian tertentu, seterusnya menilai kesan perbezaan pendirian tersebut terhadap kerangka konseptual *iʿjāz al-balāghī*.

Justeru, kajian ini berusaha untuk mengisi kelompongan tersebut dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif untuk meneliti perbahasan klasik melalui lensa pertembungan dua paradigma utama (*al-tanzīh* dan *al-kashf*), serta seterusnya mengkaji implikasi perbezaan terminologi ini terhadap kerangka konseptual kemukjizatan retorik al-Qurʾān. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, kajian ini bertujuan menganalisis asas hujah serta kerangka pemikiran kedua-dua golongan ulama yang menerima dan menolak istilah *sajʿ*. Kedua, kajian ini bertujuan menilai implikasi pertembungan kedua-dua paradigma terhadap kefahaman konsep *iʿjāz al-balāghī* al-Qurʾān.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis kandungan teks bagi meneliti perbahasan klasik tentang penggunaan istilah *sajʿ* dan *fawāṣil*. Metodologi yang diterapkan bersifat deskriptif dan prosedural, dengan memfokuskan kepada proses pengumpulan serta analisis data bagi memastikan ketelusan dan kebolehulangan penyelidikan.

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kajian ini adalah berteraskan kajian kepustakaan yang menggunakan analisis kandungan kualitatif secara induktif terhadap teks-teks primer *balāghah*, tafsir, dan *‘ulūm al-Qur’ān* bagi mengenal pasti pola pemikiran yang dirumuskan sebagai konstruk analitik (Lyhne et al., 2025).

Korpus dan Kriteria Pemilihan Sumber

Kajian ini menganalisis 14 karya primer (kurun ke-4 hingga ke-12 H) berdasarkan kriteria: (1) autoritatif dalam *balāghah*/tafsir/*‘ulūm al-Qur’ān*; (2) mengandungi perbincangan substantif tentang *saj’/fawāṣil*; (3) mewakili kepelbagaian mazhab teologi; dan (4) disebut sebagai sumber primer utama dalam literatur sekunder. Karya yang hanya menyebut sepintas lalu atau mempunyai masalah ketulenan teks dikecualikan. Berikut merupakan senarai korpus analisis:

Jadual 1 Korpus Karya Primer dalam Disiplin *Balāghah*, Tafsir dan *‘Ulūm al-Qur’ān* yang Dianalisis

No.	Pengarang	Karya	Kurun	Disiplin	Kecenderungan Paradigma
1	al-Rummānī (w. 384H)	<i>al-Nukat fī I’jāz al-Qur’ān</i>	4H	Balāghah	<i>al-Tanzīh</i>
2	al-‘Askarī (w. 395H)	<i>al-Ṣinā‘atayn</i>	4H	Balāghah	<i>al-Kashf</i>
3	al-Bāqillānī (w. 403H)	<i>I’jāz al-Qur’ān</i>	4H	Balāghah/‘Ulūm	<i>al-Tanzīh</i>
4	Ibn al-Athīr (w. 637H)	<i>al-Mathal al-Sā‘ir</i>	7H	Balāghah	<i>al-Kashf</i>
5	Ibn Abī al-Iṣba‘ (w. 595H)	<i>Taḥrīr al-Taḥbīr</i>	6H	Balāghah	<i>al-Mutaraddid</i>
6	al-Qazwīnī (w. 739H)	<i>Talkhīṣ al-Miftāḥ</i>	8H	Balāghah	Kompilasi
7	al-Subkī (w. 773H)	<i>‘Arūs al-Afrāḥ</i>	8H	Balāghah	<i>al-Tanzīh</i>
8	Ibn Khaldūn (w. 808H)	<i>Muqaddimah</i>	8H	Falsafah/Sejarah	<i>al-Tanzīh</i> (radikal)
9	al-Ḥamawī (w. 837H)	<i>Khizānat al-Adab</i>	9H	Balāghah	<i>al-Tanzīh</i>
10	al-Zarkashī (w. 794H)	<i>al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān</i>	8H	‘Ulūm al-Qur’ān	<i>al-Tanzīh</i>
11	al-Suyūṭī (w. 911H)	<i>al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān</i>	9H	‘Ulūm al-Qur’ān	<i>al-Tanzīh</i>

12	al-Suyūṭī (w. 911H)	<i>Mu'tarak al-Aqrān</i>	9H	Balāghah	Kompilasi
13	al-Khafājī (w. 1069H)	<i>Sirr al-Faṣāḥah</i>	11H	Balāghah	<i>al-Kashf</i>
14	Ibn Ma'sūm (w. 1119H)	<i>Anwār al-Rabī'</i>	12H	Balāghah	<i>al-Kashf</i>

Justifikasi Pemilihan Tokoh

Al-Bāqillānī dan al-Rummānī dipilih sebagai pencetus utama paradigma penolakan; Ibn al-Athīr dan al-Khafājī mewakili kritikan dan reformulasi paradigma penerimaan; Ibn Khaldūn menunjukkan pendekatan “genre khas” yang paling radikal; manakala Ibn Abī al-Iṣba' dan al-Suyūṭī (dalam *Mu'tarak al-Aqrān*) menunjukkan ketegangan metodologi dan usaha kompilasi yang mencerminkan kerumitan perbahasan.

Unit Analisis dan Data Kajian

Unit analisis kajian ini ialah frasa, perenggan, atau bahagian teks yang mengandungi perbincangan tentang istilah *saj'* atau *fawāṣil*, termasuk hujah pengarang, petikan nas, analisis konseptual, dan perbandingan dengan pandangan lain. Jumlah data yang diekstrak daripada kesemua 14 karya primer ialah 52 petikan, ditambah dengan 15 petikan daripada sumber sekunder (kajian akademik moden), menjadikan jumlah keseluruhan 67 petikan yang dianalisis secara sistematik.

Prosedur Analisis Data

Analisis dijalankan mengikut proses analisis kandungan kualitatif secara induktif yang melibatkan tiga fasa analitik yang sistematik:

Fasa Pertama: Pengekodan Terbuka – Setiap petikan dikodkan berdasarkan teras hujah yang dikemukakan. Contoh kod yang digunakan termasuk “penolakan berasaskan etimologi”, “bukti tekstual kewujudan *saj'*”, “pembezaan fungsional antara bunyi dan makna”, “hujah logik realiti tekstual”, dan “kritikan terhadap dikotomi”.

Fasa Kedua: Kategorisasi – Kod-kod yang mempunyai perkaitan konseptual digabungkan ke dalam kategori analitik yang lebih luas. Proses ini menghasilkan dua set hujah utama: (1) hujah yang menolak penggunaan istilah *saj'* bagi al-Qur'ān, dan (2) hujah yang menerimanya.

Fasa Ketiga: Sintesis Interpretatif – Dua pola pemikiran asas dikenal pasti secara induktif daripada kategori-kategori tersebut. Pola-pola ini seterusnya dirumuskan sebagai konstruk analitik *al-tanzīh* dan *al-kashf*. Kedua-dua konstruk ini kemudiannya digunakan sebagai lensa interpretatif untuk menilai implikasi perbahasan terminologi terhadap kefahaman konsep *i'jāz al-balāghī*.

Definisi Operasional Paradigma

Bagi memastikan ketelusan analisis, dua konstruk paradigma, *al-tanzīh* dan *al-kashf*, didefinisikan secara operasional melalui indikator analitik seperti yang dirumuskan dalam Jadual 2 di bawah. Kedua-dua paradigma ini difahami sebagai konstruk heuristik atau *ideal types* (Weber, 1949), bukan kategori sejarah yang mutlak.

Jadual 2 Definisi Operasional dan Indikator Analitik Paradigma *al-Tanzīh* dan *al-Kashf*

Paradigma	Indikator Utama
<i>al-Tanzīh</i>	Autoriti nas (<i>tawqīfī</i>); penolakan <i>mushākalah</i> ; penekanan adab; pembezaan ontologis (<i>difference in kind</i>)
<i>al-Kashf</i>	Pemerhatian tekstual (<i>al-mushāhadah al-naṣṣiyyah</i>); klasifikasi formal; neutraliti istilah; fokus pada <i>kayfiyyat al-isti'māl</i>

Indikator-indikator ini membolehkan penyelidik mengenal pasti secara sistematik kecenderungan paradigmatis sesuatu pandangan ulama berdasarkan hujah dan pendekatan yang mereka kemukakan.

Kerangka Pengekodaan (Kod → Kategori → Paradigma)

Jadual berikut menunjukkan pemetaan antara kod analitik, kategori, dan paradigma yang dirumuskan:

Jadual 3 Pemetaan Antara Kod Analitik, Kategori dan Paradigma *al-Tanzīh/al-Kashf*

Kod Analitik (Contoh Petikan)	Kategori Analitik	Paradigma	Tokoh
فقد سماه فواصل، وليس لنا أن نتجاوز ذلك	Autoriti nas dalam penamaan	<i>al-Tanzīh</i>	al-Ḥamawī
الرغبة في تنزيه القرآن عن الوصف اللاحق بغيره	Penyucian daripada konotasi pra-Islam	<i>al-Tanzīh</i>	al-Khafājī
تشريف القرآن عن مشاكلة غيره من الكلام الحادث	Penolakan <i>mushākalah</i> (persamaan)	<i>al-Tanzīh</i>	al-Subkī
الفواصل بلاغة، والإسجاع عيب	Pembezaan fungsi	<i>al-Tanzīh</i>	al-Rummānī

	bunyi-makna		
لو كان السجع مذموماً لما ورد في القرآن	Hujah realiti tekstual	<i>al-Kashf</i>	Ibn al-Athīr
غَلِطَ الرُّمَانِيُّ	Kritikan metodologi terhadap dikotomi	<i>al-Kashf</i>	al-Khafājī
السجع الذي يتبع المعنى وهو غير مقصود فذلك بلاغة	Penekanan pada <i>modality of use</i>	<i>al-Kashf</i>	al-Khafājī
ذهب كثير من غير الأشاعرة إلى إثبات السجع في القرآن	Pengesahan kewujudan melangkaui mazhab	<i>al-Kashf</i>	Ibn Ma‘šūm

KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini dibina di atas beberapa konsep utama yang memerlukan penjelasan teoritis bagi memastikan ketelitian analisis dan ketepatan interpretasi. Dua konsep yang menjadi teras kepada kerangka analitik kajian ini ialah paradigma (*al-tanzīh* dan *al-kashf*) sebagai konstruk heuristik, serta retorik suci (*sacred rhetoric*) sebagai sintesis konseptual. Setiap konsep ini dijelaskan secara terperinci dalam bahagian ini.

Paradigma sebagai Konstruk Heuristik

Paradigma dalam kajian ini, merujuk kepada Kuhn (1997) dan disesuaikan sebagai konstruk heuristik atau *ideal types* berfungsi sebagai lensa untuk memahami kecenderungan dominan ulama, bukannya kategori sejarah yang mutlak. *Al-tanzīh* mengutamakan penyucian martabat al-Qur’ān, manakala *al-kashf* mengutamakan penyingkapan mekanisme keindahan bahasa melalui pemerhatian tekstual. Kedua-dua paradigma ini wujud pada suatu spektrum, bukannya dikotomi yang saling menafikan. Definisi operasional yang terperinci bagi kedua-dua paradigma ini telah dihuraikan dalam bahagian metodologi (lihat Jadual 2).

Retorik Suci: Definisi dan Dimensi

Retorik suci merujuk kepada usaha ulama *balāghah* membina kerangka yang menjelaskan keindahan al-Qur’ān melalui instrumen retorik manusia sambil memelihara statusnya sebagai *Kalām Allāh*. Ia berasaskan tiga dimensi: (1) epistemologis—al-Qur’ān menggunakan medium bahasa Arab dengan segala

konvensyen dan perangkat retoriknya; (2) teologis—penggunaannya bersifat transenden dan mukjizat, mencapai kesempurnaan yang tidak dapat ditandingi; (3) metodologis—analisis linguistik mesti dilakukan tanpa mengkompromikan prinsip teologis. Perdebatan *saj'* dan *fawāṣil* merupakan manifestasi paling jelas usaha merumuskan metodologi yang memenuhi tuntutan dwi ini.

Konsep ini berbeza daripada *sacred rhetoric* Arnett et al. (2024) yang menekankan sosiologi komunikasi keagamaan; di sini ia adalah sintesis induktif daripada wacana ulama klasik, bukan teori yang diimport dari tradisi Barat. Istilah “suci” merujuk kepada status teologis al-Qurʾān sebagai wahyu, manakala “retorik” merujuk kepada instrumen analisis linguistik.

GOLONGAN PEMIKIRAN

Al-Rāfiḍūn

Golongan pertama dalam perbahasan ini terdiri daripada para ulama yang secara konsisten dan tegas menolak penggunaan istilah umum *saj'* bagi menggambarkan keselarasan bunyi pada akhir ayat-ayat al-Qurʾān. Sebaliknya, mereka mengemukakan serta mengutamakan istilah khusus *fawāṣil*. Penolakan ini bukanlah berpunca daripada pengingkaran terhadap kewujudan pola bunyi yang indah tersebut, tetapi didorong oleh pertimbangan yang lebih mendalam berkaitan autoriti terminologi, etika (*adab*) terhadap al-Qurʾān, serta perbezaan konseptual asas antara seni retorik ciptaan manusia dan bahasa yang bersifat Ilahi.

Hujah Teksual

Hujah teras golongan ini adalah bertunjangkan rujukan langsung kepada teks al-Qurʾān. Mereka berpegang kepada firman Allah dalam surah Fussilat (41:3), “*Kitābun fuṣṣilat āyātuhu*” (Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu). Daripada kata kerja “*fuṣṣilat*”, yang berakar daripada kata dasar *faʿala* dengan makna memisahkan dan menjelaskan, terbentuklah istilah *fāʾ ilah*, yang secara leksikal bererti “pemisah”. Bentuk jamaknya, *fawāṣil*, kemudiannya diangkat sebagai istilah teknikal dalam disiplin ‘*ulūm al-Qurʾān*. Istilah ini merujuk secara khusus kepada penghujung ayat yang berfungsi sebagai pemisah (*hājiz*) dan penjelas (*mubayyin*) antara unit-unit makna, selaras dengan maksud *tafʿīl* iaitu perincian makna secara tuntas dan tersusun (Umar, 2008).

Menurut golongan ini, al-Qurʾān sendiri telah menyediakan istilah yang tepat, memadai, dan berautoriti untuk menggambarkan fenomena tersebut. Oleh itu, mencipta atau memindahkan istilah lain daripada tradisi retorik manusia, iaitu *saj'*, dianggap sebagai suatu tindakan yang tidak perlu, malah berpotensi melampaui batas adab terhadap teks wahyu. Pendekatan ini dirumuskan secara jelas oleh al-Ḥamawī (2001, pp. 411–430) yang menyatakan: “*faqad sammāhu fawāṣil, wa laysa lanā an natajāwaza dhālik*” (Sesungguhnya Dia telah menamakannya *fawāṣil*, dan tidaklah bagi kami untuk melampaui batas itu). Hujah ini bersifat *taʿabbudī* (berasaskan kepatuhan terhadap ketetapan wahyu) dan *tawqīfī* (terhenti pada batas yang telah ditentukan

oleh nas), di mana autoriti mutlak dalam penamaan disandarkan sepenuhnya kepada sumber Ilahi, bukan kepada konvensyen linguistik atau klasifikasi retorik manusia.

Hujah Teologi dan Adab

Hujah kedua golongan ini berkait rapat dengan etika berinteraksi dengan teks al-Qur'ān serta usaha menyucikan dan mengagungkannya. Hal ini dirumuskan secara jelas oleh ulama seperti Ibn Sinān al-Khafājī sebagai "*al-raghbah fī tanzīh al-Qur'ān*" iaitu keinginan untuk menyucikan al-Qur'ān daripada sebarang deskripsi yang lebih layak bagi bentuk ujaran lain, khususnya ucapan para kahin (Al-Suyūṭī, 1974, p. 942, 1988, pp. 25-26). Motivasi ini kemudiannya dirumuskan secara lebih sistematik oleh al-Imam Taj al-Dīn al-Subkī (w. 771H) melalui tiga 'illah utama.

Pertama, "*tashrīf al-Qur'ān 'an an yusta'ara li-shay'in fīhi lafzun huwa fī aṣli waḍ'ihī lil-ṭayr*" iaitu memuliakan al-Qur'ān daripada dikaitkan dengan istilah *saj'* yang pada asal penciptaannya merujuk kepada bunyi suara burung merpati (Al-Marāghī, 1993, pp. 360-364; Ibn Sīdah, 1996, p. 327). Kedua, "*tashrīf al-Qur'ān 'an mushākalati ghayrihi min al-kalām al-ḥādīth*", yakni mengagungkannya daripada menyerupai perkataan makhluk lain. Ketiga, "*li-anna al-Qur'ān ṣifatu Allāh, wa lā yajūzu waṣfuhu bi-ṣifatin lam yarīdi al-idhnu bihā*" kerana al-Qur'ān adalah sifat Allah, dan tidak harus menyifatkannya dengan suatu sifat yang tidak diizinkan oleh nas (Al-Suyūṭī, 1988, p. 25; Al-Zarkashī, 1957, p. 85).

Selain itu, penolakan terhadap istilah *saj'* turut disokong oleh faktor konteks sejarah pra-Islam. Dalam tradisi Arab Jahiliyah, *saj'* merupakan bentuk retorik yang lazim digunakan oleh golongan *kuhhān* atau *kahanah*, iaitu para tukang tilik yang menyampaikan ramalan dan dakwaan berasaskan sangkaan serta ilham yang tidak dapat dipastikan kebenarannya (Al-Ḥarbī, 1984, p. 594; Al-Rāzī, 1951, p. 274). Ucapan Sathīḥ al-Kāhin, misalnya, menunjukkan penggunaan *saj'* yang menurut Ṣidqī & Ḥaydarī (2009) merupakan "*al-saj' al-mutakallif al-fāḍih fī jumal qaṣīrah ghayr wāḍiḥah al-ma'nā*" (*saj'* yang dipaksakan dan keterlaluan dalam ayat pendek yang tidak jelas makna).

Sebab-sebab di atas mendedahkan prinsip asas *tawqīfiyyat al-iṣṭilāḥ* bahawa istilah yang digunakan untuk menggambarkan al-Qur'ān hendaklah bersifat *tawqīfī*, iaitu berpandukan ketetapan nas wahyu, bukan semata-mata hasil pertimbangan rasional atau konvensi istilahi manusia. Pendirian ini berakar daripada konsep al-Qur'ān sebagai *Kalām Allāh* iaitu sifat-Nya yang *qadīm*. Dalam kerangka ini, penggunaan istilah *fawāṣil* yang diambil terus daripada teks al-Qur'ān dilihat memenuhi tuntutan prinsip tersebut, manakala pengimportan istilah *saj'* daripada leksikon sastera manusia dianggap sebagai suatu bentuk *tajāwuz* (melampaui batas).

Hujah Konseptual

Hujah ketiga, dan yang paling bersifat analitik, berteraskan pembezaan prinsip dari sudut fungsi serta hubungan antara bunyi dengan makna. Pembezaan ini dihuraikan secara jelas oleh al-Rummānī (Al-Bāqillānī, 1997, pp. 270-271): "*al-fawāṣil balāghah, wa*

al-isjā' 'ayb' (*al-fawāṣil* adalah *balāghah*/keunggulan retorik, manakala *al-isjā'* [penggunaan *saj'*] adalah aib/kecacatan).

Menurutnya, *al-fawāṣil* bersifat "*tābi 'ah li al-ma 'ānī*", iaitu mengikuti makna, di mana lafaz hadir secara organik dan tidak dipaksa sebagai hasil akhir daripada penyusunan makna yang sempurna. Adapun bunyi pula hanya berperanan untuk memperkukuh makna tersebut. Sebaliknya, *al-saj'* dalam bentuk tercelanya bersifat "*al-ma 'ānī tābi 'ah lahū*", iaitu makna-makna tunduk kepadanya. Dalam konteks ini, tujuan utama penutur bukan lagi penyampaian makna, tetapi untuk mencapai keseragaman fonetik, sehingga makna dipilih, dipintal, atau dipaksa agar memenuhi tujuan tersebut (Al-Khaffājī, 1982, p. 202; Lāshīn, 1982, p. 10). Keadaan inilah yang disebut sebagai *takalluf* atau paksaan yang merosakkan kejernihan dan kebenaran ungkapan.

Berdasarkan kerangka ini, *fawāṣil* al-Qur'ān dilihat sebagai manifestasi *ḥikmah* (kebijaksanaan) Ilahi dalam penyampaian, di mana keindahan bunyi berfungsi sebagai hamba kepada makna yang agung. Manakala *saj'* yang dicela merupakan *ṣinā'ah*, produk buatan manusia yang sering mengorbankan makna demi bentuk.

Tokoh Pemikiran

Pendirian yang berteraskan paradigma *al-tanzīh* ini mempunyai akar intelektual yang kukuh dan dipegang oleh para sarjana daripada latar disiplin serta kecenderungan yang pelbagai. Secara umumnya, mereka boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok utama: golongan penolak tegas (*al-rāfiḍūn*) dan golongan yang mengangkat al-Qur'ān sebagai genre retorik khas (*al-qā'ilūn bi al-jins al-khāṣṣ*).

Golongan Penolak Tegas (al-Rāfi'ūn)

Tokoh terawal dan paling berpengaruh dalam kelompok ini ialah Abū al-Ḥasan al-Rummānī (w. 384H), sebagai pencetus atau penyusun hujah konseptual ini. Pandangannya kemudian direkodkan dan diperkukuh oleh Abū Bakr al-Bāqillānī (w. 403H), pembela utama mazhab al-Asy'ariyah, serta dinukil dan disebarluaskan oleh al-Suyūṭī (1988, pp. 25–26) dalam *Mu'tarak al-Aqrān*. Katanya: "*dhahaba al-Ash'ariyyah ilā imtinā' an yaqūla fī al-Qur'ān saj'*" (Mazhab al-Asy'ariyah berpendapat tidak boleh mengatakan terdapat *saj'* dalam al-Qur'ān). Abū al-Qāsim Ibn Ḥajjah al-Ḥamawī (w. 837H), melalui karyanya *Khizānat al-Adab*, pula merumuskan hujah teksual dengan jelas, menegaskan bahawa Allah sendiri telah menamakan fenomena tersebut sebagai *fawāṣil*.

Golongan Penyokong Genre Khas (al-Jins al-Khāṣṣ)

Kecenderungan yang lebih radikal dalam kalangan pendukung paradigma *al-tanzīh* diwakili oleh sarjana seperti 'Abd al-Raḥmān Ibn Khaldūn (w. 808H) (Ardıç, 2022; Taheriniya, 2017). Beliau bukan sahaja menolak istilah *saj'*, malah menolak keseluruhan usaha mengkategorikan al-Qur'ān dalam mana-mana kerangka klasifikasi sastera manusia (*jins khāṣṣ*). Dalam *Muqaddimah* (1988), beliau menyatakan

bahawa kesusasteraan dibahagikan kepada puisi dan prosa, kemudian prosa pula kepada bersajak (*musajja'*) dan bebas (*mursal*). Namun, al-Qur'ān ditempatkan sebagai suatu seni yang independen, di luar kedua-dua kategori tersebut—tidak dinamakan prosa bebas dan tidak pula bersajak, tetapi merupakan penjelasan ayat-ayat yang berakhir dengan penamat tertentu. Pandangan ini kemudiannya diteruskan oleh tokoh-tokoh kemudian seperti Aḥmad al-Marāghī (w. 1371H), yang dalam *ʿUlūm al-Balāghah*, mengulangi kebimbangan terhadap penggunaan istilah *saj'*, khususnya dari sudut asal etimologi dan unsur *takalluf* yang sering menyertainya (Suparman et al., 2021).

Secara keseluruhan, golongan pertama ini membina pendirian mereka di atas tiga paksi utama yang saling mengukuhkan: autoriti teks *wahyu*, komitmen teologi terhadap prinsip *al-tanzīh*, dan analisis fungsional dalam kerangka *balāghah*. Bagi mereka, penggunaan istilah *fawāṣil* bukan sekadar pilihan sinonim atau keutamaan leksikal, tetapi merupakan kesimpulan normatif yang bertujuan memelihara kemurnian martabat dan pemahaman yang tepat tentang hubungan antara lafaz dan makna dalam al-Qur'ān.

Al-Mu'ayyidūn

Bertentangan dengan golongan pertama, terdapat aliran pemikiran yang melihat tiada halangan dari sudut istilah atau syarak untuk menggunakan perkataan *saj'* bagi menggambarkan fenomena keselarasan bunyi dalam al-Qur'ān. Bagi mereka, *saj'* ialah satu istilah teknikal dalam ilmu *balāghah* yang sah dan berfungsi secara deskriptif untuk menerangkan satu realiti tekstual yang memang wujud dalam nas. Pendirian ini tidak menafikan keunikan al-Qur'ān; sebaliknya, mereka menegaskan bahawa keistimewaan tersebut terletak pada tahap kesempurnaan dan ketidaktertandingan (*i'jāz*) penggunaannya, bukan pada penafian terhadap kategori linguistik itu sendiri. Pendekatan mereka adalah berasaskan pemerhatian tekstual (*al-mushāhadah al-naṣṣiyyah*) dan klasifikasi analitik (*al-taqṣīm al-tahlīlī*), yakni membaca teks sebagaimana adanya, mengenal pasti ciri-ciri formalnya, dan menamakannya berdasarkan disiplin ilmu *balāghah*.

Hujah Realiti Tekstual

Hujah paling asas golongan ini ialah penegasan bahawa ciri-ciri *saj'* secara teknikal memang wujud dan dapat dikesan dalam struktur lafaz al-Qur'ān. Mereka berhujah berdasarkan pemerhatian langsung terhadap teks, dan menolak pendirian yang dianggap sebagai “penafian terhadap sesuatu yang jelas”.

Tokoh utama yang mendukung pendirian ini dengan hujah logik dan bukti empirikal yang konkrit ialah Ḍiyā' al-Dīn Ibn al-Athīr (w. 637H). Dalam *al-Mathal al-Sā'ir*, Ibn al-Athīr (1939, pp. 210–215) mengemukakan hujah beliau dengan premis logik yang kukuh: “*law kāna al-saj' u madhmūman lamā warada fī al-Qur'ān al-Karīm*” (Seandainya *saj'* itu sesuatu yang tercela, nescaya ia tidak akan terdapat dalam al-Qur'ān al-Karīm). Premis ini disusuli dengan bukti tekstual bahawa al-Qur'ān mengandungi sangat banyak *saj'*, sehinggakan terdapat surah yang keseluruhannya

bersajak, seperti al-Raḥmān, al-Qamar, dan sebagainya. Beliau tidak berhenti di situ, bahkan menyenaraikan contoh-contoh lain daripada surah seperti Ṭāhā, Qāf, dan al-ʿAdiyāt, dengan menunjukkan pola kesamaan bunyi pada penghujung ayat yang secara teknikal memenuhi ciri-ciri *sajʿ*.

Bagi Ibn al-Athīr, penolakan terhadap istilah *sajʿ* sering berpunca daripada “*ʿajzūhum an yaʿtū bihī*” (kelemahan manusia untuk menghasilkan bentuk yang setanding), bukan kerana ia suatu kecacatan pada dirinya. Hujah beliau bersifat induktif dan empirikal: jika bentuk tersebut berulang kali dipilih dalam wahyu Ilahi dan tampil dalam susunan yang paling tinggi mutu retoriknya, maka ia tidak mungkin tercela pada hakikatnya. Justeru, apa yang dinamakan oleh golongan pertama sebagai *fawāṣil*, menurut analisis teknikal *balāghah*, sebenarnya memenuhi syarat formal *sajʿ*. Perbezaan tersebut, pada pandangan beliau, lebih bersifat terminologikal daripada substantif.

Kritikan Analitik

Golongan kedua tidak hanya membuktikan kewujudan *sajʿ* dalam al-Qurʾān, tetapi juga secara aktif membongkar dua kesilapan metodologis yang mendasari penolakan golongan pertama: kekeliruan antara bentuk linguistik dengan konteks penggunaannya, dan pencemaran istilah dengan nilai kualitatif secara mutlak.

Ibn al-Athīr menyerang akar permasalahan dengan merungkai hadis yang sering dijadikan sandaran untuk menolak *sajʿ*. Menurut analisis kontekstualnya, larangan Nabi SAW tidak menyentuh *sajʿ* sebagai alat retorik, tetapi menyasarkan kandungan dan konteks penggunaannya oleh para *kāhin*. Katanya: “*al-naḥyu fī al-ḥadīth lam yakun ʿan al-sajʿi nafsīhi wa innamā ʿan ḥukm al-kāhin al-wārid bi al-laḥẓ al-masjū*” (Larangan dalam hadis bukanlah pada *sajʿ* itu sendiri, tetapi terhadap keputusan *kāhin* yang disampaikan dalam bentuk bersajak). Dengan membezakan antara bentuk linguistik (*ṣūrah*) dengan konteks penggunaannya (*maqām*), Ibn al-Athīr memperkenalkan pendekatan analitik yang boleh disebut sebagai paradigma *al-kashf*, iaitu usaha menyingkap hakikat fenomena bahasa secara objektif (Blecher, 2018; Ramle & Huda, 2022; Rashwan, 2024). Dalam kerangka ini, *sajʿ* difahami sebagai alat retorik yang bersifat neutral; nilainya bergantung kepada tujuan, kandungan, dan kualiti pelaksanaannya.

Kritikan yang lebih tajam terhadap dasar pemikiran golongan pertama datang daripada Aḥmad al-Khafājī, yang secara langsung menyanggah tokoh utama paradigma *al-tanzīh*. Dalam *Muʿtarak al-Aqrān*, al-Khafājī menegaskan (Al-Suyūṭī, 1988, pp. 25–26): “*ghaliṭa al-Rummānī fī qawlihi al-fawāṣil balāghah wa al-sajʿu ʿayb*” (Al-Rummānī telah tersilap dalam ucapannya bahawa *al-fawāṣil* adalah *balāghah* dan *al-sajʿ* adalah kecacatan). Menurutnyanya, kesilapan ini berpunca daripada penyandaran sifat kualitatif (*balāghah* atau *ʿayb*) secara eksklusif kepada *istilah*, dan bukan kepada *hakikat penggunaannya*.

Bagi membetulkan kerangka perbahasan tersebut, al-Khafājī mengemukakan penjelasan analitik yang tajam. Jika yang dimaksudkan dengan *sajʿ* adalah “*mā yatbaʿu al-maʿnā wa ḥurwa ghayru maqṣūd*” (bunyi yang mengikuti makna secara semula jadi dan tidak dipaksakan untuk dirinya sendiri), maka itu adalah *balāghah*. Dalam

kategori inilah terletaknya *ḥawāṣil* al-Qur'ān. Sebaliknya, jika yang dimaksudkan ialah bentuk yang “*mā taqa‘u al-ma‘ānī tābi‘atan lahū wa huwa maqṣūd mutakallaf*” (makna-makna dipaksa tunduk kepada kehendak bunyi yang disengajakan), maka itu adalah ‘*ayb*. Bahkan, sebahagian *ḥawāṣil* yang rosak dalam kalam manusia juga boleh tergolong dalam kategori ini.

Kritikan al-Khafājī ini boleh dianggap sebagai satu pembetulan analitik yang signifikan yang mengalihkan fokus perdebatan daripada pertikaian tentang istilah (*ism*) kepada persoalan *kayfiyyat al-isti‘māl* iaitu cara dan konteks penggunaan sesuatu bentuk retorik. Beliau antara tokoh terawal yang secara eksplisit menegaskan bahawa kedua-dua istilah, *al-fāṣilah* dan *al-saj‘*, boleh menjadi *balāghah* atau ‘*ayb* bergantung pada konteks dan niat penggunaannya. Pendekatan ini membuka ruang kepada penjenisan yang lebih adil dan lebih tepat secara metodologis, sekali gus meredakan ketegangan antara paradigma *al-tanzīh* dan pendekatan deskriptif *balāghah*.

Kerangka Penjenisan

Bertitik tolak daripada kritikan terhadap dikotomi radikal al-Rummānī, golongan ini membangunkan suatu kerangka penjenisan (*taxonomy*) yang lebih bernuansa dengan membezakan secara sistematik antara dua bentuk *saj‘*. Pertama, *al-saj‘ al-mahmūd* iaitu *saj‘* yang terpuji, di mana keselarasan bunyi terhasil secara semula jadi daripada susunan makna yang padu dan cemerlang. Makna menjadi tujuan utama, manakala keindahan bunyi hadir sebagai natijah yang mengikuti dan memperkukuhnya. Bentuk inilah yang, menurut mereka, wujud dalam al-Qur'ān dan sebahagian hadis Nabi SAW. Kedua, *al-saj‘ al-madhūm* iaitu *saj‘* yang tercela, dengan penutur sengaja memaksa dan memintal makna, kadangkala memilih makna sekunder, semata-mata untuk mencapai keseragaman rima. Fenomena inilah yang dikritik sebagai *takalluf*, kerana bunyi didahulukan daripada makna sehingga menjejaskan kejelasan dan ketepatan ungkapan.

Penjenisan ini diperkukuh melalui analisis terhadap amalan retorik Nabi Muhammad SAW sendiri. Ibn al-Athīr memetik beberapa contoh hadis yang mengandungi pola *saj‘* yang jelas, seperti sabda Baginda: “*A‘īdhuhu min al-hāmah wa al-sāmah wa kulli ‘aynin lāmah*”. Beliau menjelaskan bahawa lafaz asal (*milmah*) diungkapkan sebagai (*lāmah*) demi mengekalkan keselarasan bunyi dengan perkataan sebelumnya, tanpa menjejaskan makna asal doa tersebut. Bagi Ibn al-Athīr (1939, pp. 210-215), “*wa hādhā mim mā yadulluka ‘alā faḍīlat al-saj‘*” (ini adalah antara perkara yang menunjukkan kelebihan *saj‘*). Justeru, *saj‘* yang terpuji dilihat sebagai sebahagian daripada estetika bahasa yang sah dan diiktiraf, selagi ia tunduk kepada keutuhan makna.

Hal ini turut disokong oleh al-‘Askarī yang bukan sahaja mengakui kewujudan *saj‘* dalam al-Qur'ān, malah secara aktif menganalisis ciri-ciri kecemerlangannya berbanding *saj‘* manusia biasa (Ṣidqī & Ḥaydarī, 2009). Beliau menetapkan kewujudan *saj‘* tetapi membezakan *saj‘ al-Qur'ān* daripada *saj‘* yang lain melalui kekuatan kesingkatan, keteguhan makna yang melimpah, kejernihan dan kelunakan lafaz, serta perbezaannya daripada *saj‘* para *kāhin* yang bebas daripada unsur paksaan dan

kekerasan. Analisis komparatif al-‘Askarī ini menunjukkan bahawa keunggulan *saj’ al-Qur’ān* bukan terletak pada penafian kategorinya, tetapi pada kesempurnaan paradigmanya (*al-ṣur’ah al-kāmilah*), yakni integrasi harmonis antara ketepatan makna, kesingkatan ungkapan, dan keindahan bunyi tanpa unsur *takalluf*. Dengan demikian, kemukjizatan (*i jāz*) al-Qur’ān dapat dihuraikan melalui analisis dalam kerangka retorik yang sama, namun pada tingkat kesempurnaan yang tidak tertandingi (Muhammad et al., 2025; Noor & Deviana, 2024).

Tokoh Pemikiran

Pendirian yang berteraskan paradigma *al-kashf* ini merangkumi spektrum yang luas, daripada golongan penyokong analitis (*al-mu’ayyidūn*), hinggalah golongan yang memperlihatkan ketegangan dalaman (*al-mutaraddidūn*).

Al-Mu’ayyidūn

Tokoh terawal dalam spektrum ini ialah Abū Hilāl al-‘Askarī (w. 395H), yang bukan sekadar mengakui kewujudan *saj’* dalam al-Qur’ān, tetapi turut membezakannya secara analitik daripada *saj’* manusia melalui kajian komparatif (Bonebakker, 1960). Seterusnya, Ḍiyā’ al-Dīn Ibn al-Athīr (w. 637H) memperkukuh pendekatan ini melalui hujah empirikal dan analisis kontekstual terhadap hadis, manakala Aḥmad al-Khafājī (w. 1069H) memberikan sumbangan metodologis dengan mengalihkan fokus perbahasan daripada istilah kepada *kayfiyyat al-isti’māl*, sekali gus merungkai dikotomi al-Rummānī (Qaemmaqami, 2024).

Al-Mutaraddidūn

Spektrum ini diwakili oleh tokoh seperti Ibn Abī al-Iṣḥā‘ (w. 595H), di mana pada peringkat awal, beliau cenderung kepada pendekatan *al-tanzīh* dengan menegaskan bahawa penamat-penamat al-Qur’ān disebut *fawāṣil*, bukan *saj’* dan bukan *qawāfi* (Ṣidqī & Ḥaydarī, 2009). Namun, apabila beliau tiba pada bab khusus tentang *saj’* dalam karyanya, beliau tidak dapat mengelak daripada menggunakan contoh-contoh al-Qur’ān untuk mengilustrasikan fenomena tersebut, suatu kontradiksi yang mendedahkan daya tarikan paradigma *al-kashf* walaupun dalam kerangka yang cuba menolaknya. ‘Alī ibn Aḥmad ibn Ma’sūm (w. 1119H) pula mencatatkan dalam *Anwār al-Rabī’* bahawa ramai ulama selain al-Ashā’irah mengesahkan kewujudan *saj’* dalam al-Qur’ān, membuktikan bahawa penerimaan ini melangkaui sempadan mazhab teologi dan berkembang sebagai kecenderungan metodologis yang tersendiri (Al-Mīdanī, 2011, pp. 492–499).

Kepelbagaian dalam kalangan pendukung paradigma *al-kashf* ini penting kerana dua sebab. Pertama, ia menunjukkan bahawa penerimaan terhadap istilah *saj’* bukanlah anomali atau pandangan terpinggir, tetapi merupakan tradisi ilmiah yang kukuh dengan akar yang pelbagai. Kedua, kehadiran golongan *al-mutaraddidūn* membuktikan bahawa ketegangan antara analisis deskriptif dan kepekaan teologis bukanlah pertentangan luaran antara dua kumpulan yang terpisah, tetapi dialami secara dalaman oleh para sarjana itu sendiri, mencerminkan kompleksiti usaha merumuskan “retorik suci” yang setia kepada teks dan agamanya.

IMPLIKASI TERHADAP KONSEP I'JĀZ

Setelah meneliti hujah-hujah kedua-dua golongan, jelas didapati bahawa perbezaan terminologi antara *saj'* dan *fawāṣil* bukanlah perselisihan leksikal semata-mata. Ia adalah manifestasi zahir daripada dua paradigma: *al-tanzīh* yang mendorong golongan pertama, dan *al-kashf* yang menjadi landasan golongan kedua. Persoalan krusial yang timbul bukan lagi *apakah* kandungan setiap paradigma, tetapi *bagaimanakah* pertembungan ini membentuk pemahaman yang berbeza terhadap konsep *i'jāz al-balāghī* al-Qur'ān. Dalam erti kata lain, apakah implikasi pemilihan kerangka *al-tanzīh* atau *al-kashf* terhadap cara kita memahami hakikat kemukjizatan retorik al-Qur'ān?

Dua Konsepsi I'jāz al-Balāghī

Perbezaan paradigmatic antara *al-tanzīh* dan *al-kashf* menghasilkan dua penekanan yang berbeza dalam memahami hakikat *i'jāz al-balāghī*. Kedua-duanya mengakui kemukjizatan al-Qur'ān, namun berbeza dalam menjelaskan sifat dan lokus (*locus*) kemukjizatan tersebut. Secara konseptual, kedua-dua pendekatan ini dapat difahami sebagai dua model yang berbeza: *difference in kind* (perbezaan jenis) dan *perfection within the same genus* (kecemerlangan paradigmatic dalam jenis yang sama).

Bagi golongan *al-tanzīh*, *i'jāz* difahami sebagai “keunikan yang bersifat transenden dan berbeza jenis”. Dalam kerangka ini, kemukjizatan al-Qur'ān bukan sekadar terletak pada tahap kecemerlangan yang tinggi, tetapi pada sifatnya yang secara ontologis berlainan daripada segala bentuk ujaran manusia. *Fawāṣil* tidak dianggap sebagai *saj'* yang mencapai mutu tertinggi, sebaliknya sebagai fenomena retorik yang berakar pada kategori tersendiri yang tidak dapat diserap ke dalam taksonomi sastera manusia. Oleh itu, *i'jāz* di sini difahami sebagai sesuatu yang berada di luar kerangka penilaian estetik biasa. Penolakan istilah *saj'* adalah simbolik bagi penegasan terhadap perbezaan jenis yang mendasar antara wahyu dan karya manusia. Hubungan langsung antara pemilihan terminologi ini dengan konsep *i'jāz* diperjelaskan secara tegas oleh tokoh utama golongan ini, Abū Bakr al-Bāqillānī (1997, p. 254). Menurutnyanya: “*Ammā al-saj'u fa-lā yultamasu fīhi al-i'jāz, li-annahu amrun mahdūd*” (Adapun *saj'*, maka *i'jāz* tidak dicari padanya, kerana ia adalah perkara yang terbatas). Kemudian, beliau menetapkan: “*Ammā al-fawāṣilu fa-yahīqu an yata'allāqa bihā al-i'jāz*” (Adapun *fawāṣil*, maka adalah wajar *i'jāz* dikaitkan dengannya). Pernyataan ini merupakan kristalisasi paling jelas paradigma *al-tanzīh* di mana *saj'*, sebagai konvensyen retorik manusia yang boleh dipelajari dan ditiru, dianggap tidak layak menjadi wadah kemukjizatan. Hanya *fawāṣil*, sebagai kategori Qur'ānik yang unik, mampu menjadi medium bagi keajaiban bahasa yang transenden.

Sebaliknya, bagi golongan *al-kashf*, *i'jāz* ditafsirkan sebagai “kecemerlangan tertinggi dalam jenis yang sama” (*perfection within the same genus*). Kemukjizatan al-Qur'ān tidak memerlukan penciptaan kategori baharu, tetapi terserlah melalui penguasaan mutlak (*al-ṣur'ah al-kāmilah*) terhadap konvensyen bahasa yang telah difahami oleh masyarakat sasarannya. Dalam erti kata lain, al-Qur'ān menggunakan *saj'*, namun pada tahap kesempurnaan yang tidak mungkin ditandingi, di mana penyelarasan sempurna antara bunyi dan makna, suatu kesatuan yang sering gagal

dicapai dalam karya manusia, telah diselesaikan sepenuhnya. *I'jāz* di sini bersifat paradigmatis: ia menunjukkan model kecemerlangan tertinggi dalam medan yang sama, lalu melampaui segala usaha peniruan. Justeru, penggunaan istilah *saj'* bukan sahaja dibenarkan, malah diperlukan bagi menzahirkan keunggulan tersebut secara komparatif dan analitik. Pendekatan ini bersifat deskriptif-analitik, yang menerima realiti linguistik sebagai titik mula, lalu menunjukkan bahawa dalam kerangka yang sama sekalipun, al-Qur'ān tetap berada pada tahap kesempurnaan yang tidak tertandingi. Dalam erti kata lain, kemukjizatan tidak terletak pada pengasingan kategori, tetapi pada ketinggian mutu yang melampaui segala piawai manusia.

IMPLIKASI TERHADAP KONSEP I'JĀZ

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dalam konteks wacana ilmiah yang lebih luas, dengan memberi tumpuan kepada perbandingan dengan kajian terdahulu, sintesis analitik antara kedua-dua paradigma, serta sumbangan konseptual kajian ini terhadap pengembangan bidang *balāghah* dan kajian *i'jāz al-Qur'ān*.

Perbandingan dengan Kajian Terdahulu: Melangkaui Taksonomi

Salah satu kajian terdahulu yang paling komprehensif tentang perbahasan ini ialah karya Şidqī & Ḥaydarī (2009) yang menyusun hujah ulama klasik secara sistematik ke dalam taksonomi enam golongan: *al-mu'tadilūn* (golongan sederhana), *al-qā'ilūn bi anna al-Qur'ān jins khāṣṣ* (golongan yang berpendapat al-Qur'ān ialah genre khas), *al-mutawaqqifūn* (golongan yang berhenti tanpa memberi pendirian), *al-mutaraddidūn* (golongan yang menunjukkan keraguan), *al-mu'ayyidūn* (golongan penyokong), dan *al-rāfiḍūn* (golongan penolak). Taksonomi ini merupakan sumbangan yang signifikan kerana ia berjaya mengorganisasikan kepelbagaian pendirian ulama secara sistematik.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan asas antara pendekatan Şidqī & Ḥaydarī dengan kajian ini. Pertama, Şidqī & Ḥaydarī memberi tumpuan utama kepada kategorisasi pendirian ulama, iaitu menjawab persoalan "siapa berkata apa". Sebaliknya, kajian ini memberi tumpuan kepada analisis paradigmatis yang bertujuan menerangkan *mengapa* ulama-ulama tersebut mengambil pendirian tertentu, iaitu apakah asas epistemologi dan teologi yang membentuk pandangan mereka. Kedua, taksonomi enam golongan melihat perbezaan utama dari sudut penerimaan atau penolakan istilah, manakala kajian ini mengenal pasti dua faktor pendorong utama, komitmen teologis terhadap penyucian al-Qur'ān (*al-tanzīh*) dan komitmen analitik terhadap penyingkapan mekanisme keindahan bahasa (*al-kashf*). Ketiga, dan yang paling penting, kajian Şidqī & Ḥaydarī tidak mengembangkan implikasi perbezaan terminologi ini terhadap konsep *i'jāz al-balāghī* secara sistematik, manakala kajian ini menjadikan implikasi terhadap *i'jāz* sebagai salah satu teras analisisnya.

Dengan demikian, kajian ini boleh dilihat sebagai pelengkap dan pengembangan kepada kajian Şidqī & Ḥaydarī. Jika taksonomi enam golongan mereka menyediakan peta yang komprehensif tentang landskap perbahasan, analisis

paradigmatik dalam kajian ini menyediakan penjelasan tentang struktur dalaman dan logik yang mendasari peta tersebut.

Sintesis Analitik: Perbandingan Paradigma

Bagi memudahkan pemahaman tentang perbezaan dan persamaan antara kedua-dua paradigma yang telah dikenal pasti, Jadual 4 di bawah menyediakan sintesis analitik yang membandingkan al-tanzīh dan al-kashf dari pelbagai aspek. Sintesis ini penting kerana ia menunjukkan bahawa kedua-dua paradigma bukanlah dua entiti yang terpisah secara mutlak, tetapi merupakan dua pendekatan yang berbeza dalam menangani persoalan yang sama, iaitu bagaimana hendak memahami dan menjelaskan keindahan bahasa al-Qur'ān tanpa menjejaskan statusnya sebagai wahyu Ilahi.

Jadual 4 *Sintesis Perbandingan antara Paradigma al-Tanzīh dan al-Kashf*

Aspek Perbandingan	Paradigma <i>al-Tanzīh</i>	Paradigma <i>al-Kashf</i>
Objektif Utama	Penyucian dan penjagaan martabat al-Qur'ān	Penyingkapan mekanisme keindahan bahasa secara objektif
Sumber Autoriti	Nas wahyu (<i>tawqīfī</i>) – istilah diambil terus daripada teks	Pemerhatian tekstual dan klasifikasi retorik
Status Istilah	<i>Fawāṣil</i> – istilah khusus daripada al-Qur'ān sendiri	<i>Saj'</i> – istilah teknikal dalam disiplin <i>balāghah</i>
Hubungan Wahyu-Manusia	Perbezaan jenis (<i>difference in kind</i>) – ontologis berbeza	Kesempurnaan dalam jenis yang sama – kecemerlangan tertinggi
Metodologi	Preskriptif-normatif – kerangka teori dibina untuk memelihara status teologis	Deskriptif-analitik – realiti linguistik sebagai titik mula
Pendekatan terhadap <i>I'jāz</i>	<i>I'jāz</i> terletak pada ketidakserupaan asasi dan pengasingan kategori	<i>I'jāz</i> terletak pada kesempurnaan mutlak dalam kerangka yang sama
Tokoh Utama	al-Rummānī, al-Bāqillānī, al-Subkī, Ibn Khaldūn	al-ʿAskarī, Ibn al-Athīr, al-Khafājī, Ibn Ma'sūm

Jadual 4 meringkaskan perbezaan asas antara kedua-dua paradigma dari segi objektif, autoriti, metodologi, dan konsepsi *i'jāz*, namun kedua-duanya berkongsi matlamat memahami keindahan al-Qur'ān.

Kritikan Balas dan Titik Tengah: Ketegangan dalam Tradisi Ilmiah

Setiap paradigma tidak terlepas daripada kritikan. Pendekatan *al-tanzīh* yang menolak *sajʿ* secara mutlak dikritik kerana berpotensi mengasingkan al-Qurʾān daripada kerangka analisis ilmiah (Shah, 2018), menjadikan wacana *balāghah* tertutup dan analisis bersifat *taʿabbudī* semata-mata (Tayara, 2025). Sebaliknya, *al-kashf* yang menerima *sajʿ* sebagai kategori deskriptif berisiko “memanusiakan” analisis wahyu dan mengaburkan garis pemisah antara Ilahi dan insani.

Ketegangan ini turut tercermin dalam perkembangan intelektual tokoh tertentu. Al-Suyūṭī (1988, pp. 25–26) meriwayatkan daripada al-Subkī bahawa al-Bāqillānī dalam satu pendapatnya mengharuskan penamaan *fawāṣil* sebagai *sajʿ*. Laporan ini mendedahkan dilema praktikal: sukar mengekalkan pemisahan terminologi mutlak apabila berhadapan dengan realiti tekstual yang jelas.

Titik tengah muncul dalam pandangan al-Khafājī, yang menolak dikotomi al-Rummānī dan memperkenalkan penjenisan *sajʿ* *maḥmūd–madhmūm*, menggabungkan ketepatan deskriptif *al-kashf* dengan kepekaan teologis *al-tanzīh* (Mansyur & Khairun, 2025). Melalui sintesis ini, *fawāṣil* difahami sebagai istilah khusus untuk *al-sajʿ al-maḥmūd* dalam konteks al-Qurʾān.

KESIMPULAN

Kajian ini telah meneliti perdebatan terminologi klasik dalam ilmu *balāghah* berkenaan penggunaan istilah *sajʿ* atau *fawāṣil* untuk menggambarkan keselarasan bunyi pada akhir ayat-ayat al-Qurʾān. Melalui analisis kandungan terhadap 14 karya primer daripada kurun ke-4 hingga ke-12 Hijriah, penelitian ini berjaya mengenal pasti, mengasingkan dan membandingkan hujah-hujah asas dua arus pemikiran utama yang berkembang dalam tradisi ilmiah Islam berkaitan isu tersebut.

Perbezaan ini berakar pada kerangka epistemologi: golongan pertama (al-Bāqillānī, al-Rummānī) menolak *sajʿ* berdasarkan autoriti nas (Surah Fussilat: 3), tuntutan *al-tanzīh*, dan analisis fungsional bunyi-makna. Golongan kedua (Ibn al-Athīr, al-Khafājī) menerima *sajʿ* sebagai deskriptif sah, membangunkan penjenisan *maḥmūd–madhmūm* berdasarkan realiti tekstual dan kritikan metodologi (Al-Muṣṭafā, 2021).

Sumbangan kajian ini merangkumi: (1) sintesis sistematik hujah-hujah yang tersebar dalam karya klasik; (2) analisis paradigmatis yang menjelaskan *mengapa* ulama mengambil pendirian tertentu; (3) implikasi terhadap teori *iʿjāz* sebagai *difference in kind* atau *perfection within same genus*; dan (4) kerangka "retorik suci" untuk mengimbangi analisis saintifik dan kepekaan teologis.

Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa bidang kajian lanjutan wajar diterokai. Antaranya ialah kajian perbandingan dengan puisi Arab awal yang menganalisis struktur *fawāṣil* al-Qurʾān dengan *sajʿ* dalam puisi Arab Jahiliyah dan ucapan *kāhin* bagi mendapatkan bukti empirikal yang lebih kukuh tentang transformasi dan keunggulan Qurʾānik. Selain itu, analisis korpus berasaskan data dengan menggunakan metodologi linguistik korpus untuk meneliti keseluruhan pola *fawāṣil* dalam al-Qurʾān dapat mengesahkan dan memperhalus pemerhatian kualitatif

ulama klasik. Seterusnya, kajian sejarah idea dalam mazhab akidah, yang meneliti perkembangan pendirian ini dalam konteks perdebatan teologi Islam, dapat menjelaskan dimensi teologi yang mempengaruhi wacana *balāghah*.

Kesimpulannya, perdebatan *sajʿ* versus *fawāṣil* adalah lebih daripada isu semantik; ia merupakan cerminan usaha intelektual yang tekun dan penuh adab oleh para ulama Islam untuk merumuskan suatu kerangka "retorik suci" yang mampu menganalisis keindahan bahasa al-Qurʿān dengan instrumen terbaik ilmu manusia, tanpa mengabaikan statusnya yang unik dan tidak tertandingi sebagai *Kalām Allāh*. Dengan menelusuri lapisan-lapisan hujah dalam perdebatan klasik ini, seseorang bukan sahaja dapat menghargai kehalusan ilmu *balāghah*, tetapi juga memperkukuh asas metodologi untuk terus mengkaji dan menghayati salah satu dimensi kemukjizatan al-Qurʿān yang paling memukau.

CONFLICTS OF INTEREST: The author declares no conflict of interest.

ETHICS STATEMENT: This research is based on textual analysis and did not involve human participants or animals.

REFERENCES

- Abalkheel, A., Sourani, M., & ElZohbi, S. (2025). Phonological orchestration and structural unity: The dual role of the fawāṣil. *Forum for Linguistic Studies*, 7(3), 597–610. <https://doi.org/10.30564/fls.v7i3.8484>
- Ahmad, H., & Ghafar, N. A. (2025). Stylistic variation and linguistic strategies in Qurʿanic discourse: A rhetorical, phonetic, and translational analysis. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(4), 5957–5964. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90400426>
- al-Bāqillānī, A. B. (1997). *Iʿjāz al-Qurʿān*. Dār al-Maʿārif.
- al-Ḥamawī, T. A.-D. I. Ḥajjah. (2001). *Khazānat al-adab wa ghāyat al-arab*. Dār Ṣādir.
- al-Ḥarbī, I. B. I. (1984). *Gharīb al-ḥadīth*. Jāmiʿah Umm al-Qurā.
- al-Khaffājī, A. M. ʿAbd A. B. M. B. S. (1982). *Sirr al-faṣāḥah*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Marāghī, A. M. (1993). *ʿUlūm al-balāghah: Al-bayān wa al-maʿānī wa al-badīʿ* (3rd ed.). Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Mīdanī, A.-S. ʿAlī Ṣadr A.-D. B. M. (2011). *Anwār al-rabīʿ fī anwāʿ al-badīʿ*. Muʿassasah al-Tārīkh al-ʿArabī.
- al-Muṣṭafā, ʿĀ. M. (2021). Dirāsah al-sajʿ fī nathr Abī al-Faḍl al-Mikālī. *Majallat al-ʿUlūm al-Insāniyyah wa al-Ijtīmāʿiyyah*, 5(15), 50–64.
- al-Rāzī, M. B. A. B. ʿAbd al-Q. (1951). *Mukhtār al-ṣiḥāḥ*. Maṭbaʿah Jāmiʿah Fuʾād al-Awwal.
- al-Suyūṭī, ʿAbd al-Raḥmān. (1974). *Al-Itqān fī ʿulūm al-Qurʿān*. al-Haiʿah al-Miṣriyyah al-ʿĀmmah li-al-Kitāb.
- al-Suyūṭī, ʿAbd al-Raḥmān. (1988). *Muʿtarak al-aqrān fī iʿjāz al-Qurʿān*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

- al-Zarkashī, M. B. ‘Abd A. (1957). *al-Burhān fī ‘ulūm al-Qur’ān*. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ardıç, N. (2022). İsmail Hakkı İzmirli (1932), philosophical currents in Islam: Ibn Khaldun (732–808). *Journal of Historical Sociology*, 35(3), 349–359. <https://doi.org/10.1111/johs.12383>
- Arnett, R. C., Barbee, D. M., Gaines, S., Hackworth, C., Holba, A. M., Kearney, M., Kerr, A. K., Il-Kim, S., Sleasman, B. C., & Sweeney, J. P. (2024). *Sacred rhetoric: Discourses in identity and meaning*. Bloomsbury Publishing USA.
- Blecher, J. (2018). *Said the prophet of God: Hadith commentary across a millennium*. University of California Press.
- Bonebakker, S. A. (1961). Notes on some old manuscripts of the *Adab al-kātib* of Ibn Qutayba, the *Kitāb aṣ-Ṣinā‘atayn* of Abū Hilāl al-‘Askarī, and the *Maṭal as-sā’ir* of Ḍiyā’ ad-Dīn Ibn al-Aṭīr. *Oriens*, 13–14(1), 159–194. https://doi.org/10.1163/19606028_027_01-08
- Burhanudin, J., & Abdullah, N. (2022). al-Alusi and his rhetorical efforts in Surat Hud and Yusuf. *Mesopotamian Journal of Arabic Language Studies*, 1–16. <https://doi.org/10.58496/MJALS/2022/001>
- Esa, F. M., & Daud, N. (2020). al-Saja’ al-Qur’ān ‘inda Imam al-Baqillani: Dirasah tahliliyyah naqdiyyah. *STUDIA*, 5(1), 67.
- Fitria, H. S., & Kamaliah, N. (2025). Saja’ in Surah al-‘Ādiyāt: A balāghah analysis. *Tanzil: Jurnal Studi al-Quran*, 7(2), 177–192. <https://doi.org/10.20871/tjsq.v7i2.395>
- Habibi, N. (2025). Phonetic cohesion in the rhyme structure of the Qur’an: A phonological analysis of sound patterns in Surah al-Inshiqāq. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 9(1), 165–178.
- Ibn al-Athīr, N. A. (1939). *al-Mathal al-sā’ir fī adab al-kātib wa-al-shā’ir*. Al-Ḥalabī.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Raḥmān. (1988). *Muqaddimah*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Sīdah, A. al-Ḥasan ‘Alī. (1996). *al-Mukhaṣṣiṣ*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Klar, M. (2020). A preliminary catalogue of Qur’anic saj’ techniques: Beat patterning, parallelism, and rhyme. In *Structural dividers in the Qur’an*. Taylor & Francis.
- Kuhn, T. S. (1997). *The structure of scientific revolutions*. University of Chicago Press.
- Lāshīn, ‘Abd al-Fattāḥ. (1982). *Min asrār al-ta’bīr fī al-Qur’ān*. Dār al-Murīkh.
- Lyhne, C. N., Thisted, J., & Bjerrum, M. (2025). Qualitative content analysis – framing the analytical process of inductive content analysis to develop a sound study design. *Quality & Quantity*, 59(6), 5329–5349. <https://doi.org/10.1007/s11135-025-02220-9>
- Mansyur, S., & Khairun, S. (2025). Muhkam dan mitasyabih sebagai problem epistemologi tafsir: Analisis metodologi dalam tafsir kontemporer. *Jurnal Intel dan Cendikiawan Nusantara*, 2(6), 14409–14414.
- Muhammad, F. R. N., Mario, B. S., Nayla, K., & Harun, A.-R. (2025). Analisis kajian as-saj’ dalam Surah Al-Ghasiyah. *Populer: Jurnal Penelitian Mahasiswa*, 4(1), 46–53.

- Noor, M., & Deviana, A. D. (2024). Asalib al-muhassanat al-lafdhiyah fi Suroh al-Waqi'ah. *Al-I'robby: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 1(2), 97–114.
- Qaemmaqami, S. A. (2024). A note on the Āl-i Burhān of Bukhara and the author of the Laṭā'if al-aḍkār. *Iranian Studies*, 57(3), 472–477. <https://doi.org/10.1017/irn.2024.22>
- Ramle, M. R., & Huda, M. (2022). Between text and context: Understanding Ḥadīth through Asbab al Wurud. *Religions*, 13(2), 92. <https://doi.org/10.3390/rel13020092>
- Rashwan, H. (2024). Hadith as oral literature through early Islamic literary criticism. *Studia Islamica*, 119(1), 34–69. <https://doi.org/10.1163/19585705-12341481>
- Şidqī, & Ḥaydarī. (2009). al-Farq bayna al-fāṣilah wa al-saj'ah. *‘Ulūm Qur’ān wa Ḥadīth*, 41(1). <https://doi.org/10.22067/naqhs.v41i1.3207>
- Suparman, Y., Hendra, M., & Soga, Z. (2021). Pro kontra eksistensi sajak dalam Al-Qur'an. *Zad Al-Mufasssirin*, 3(2), 295–318. <https://doi.org/10.55759/zam.v3i2.13>
- Taheriniya, B. (2017). Surveying on structural-critical case from Ibn Khaldun's viewpoint. *Nova Journal of Arabic Studies*, 1(1).
- Tawfīk, A. M. Z. (2022). The strategies for promotional discourse and their reflections in the Qur'ān and Sunnah. *Harran İlahiyat Dergisi*, 47, 20–41. <https://doi.org/10.30623/hij.1067396>
- Tayara, Y. (2025). al-Şafadī's veiled criticism of Ibn Taymiyya: Esotericism, language, and reason in *al-Ghayth al-Musajjam fi Sharḥ Lāmīyat al-‘Ajam*. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 35(4), 895–918. <https://doi.org/10.1017/S135618632510093X>
- Weber, M. (1949). *Max Weber on the methodology of the social sciences*. Free Press.
- ‘Umar, A. M. (2008). *Mu‘jam al-lughah al-‘Arabiyyah al-mu‘āṣirah*. ‘Ālam al-Kutub.